

NAMA: \_\_\_\_\_

TARIKH: \_\_\_\_\_

Lengkapkan karangan di bawah dengan pilihan jawapan yang tepat.

## KARANGAN AUTOBIOGRAFI



### Aku Sebuah Televisyen

Aku sebuah \_\_\_\_\_ (1). Aku diperbuat daripada kaca, plastik, besi, dawai dan wayar. Aku dilahirkan di sebuah kilang yang terletak di Kepong Selangor. Aku berjenama Sony. Permukaanku \_\_\_\_\_ (2) 32 inci.

Setelah aku disiapkan, aku dimasukkan ke dalam sebuah kotak untuk dihantar ke sebuah kedai di bandar Kuala Lumpur. Aku dipamerkan di kedai tersebut. Aku dapat menemui ramai kenalan berlainan \_\_\_\_\_ (3).

Tiga bulan kemudian, aku dibeli oleh seorang lelaki kaya dengan harga RM 6829.00. Tuan aku bernama Encik Siaw. Aku berasa sungguh gembira kerana dapat \_\_\_\_\_ (4) kepada tuan aku. Aku memberikan maklumat, berita, \_\_\_\_\_ (5) dan pengetahuan kepada tuan aku serta anak-anaknya.

Kini, sepuluh tahun telah berlalu. Badanku mulai \_\_\_\_\_ (6) dan sakit-sakit. Suaraku semakin tidak jelas. Warnaku mulai \_\_\_\_\_ (7) dan kadangkala tiada warna untuk dipersembahkan.

Pada suatu hari, aku ternampak sebuah televisyen baharu yang lebih cantik daripadaku. Aku mengerti bahawa televisyen itu menjadi penggantiku. Kini, aku diletakkan di sebuah bilik gelap. Aku menanti \_\_\_\_\_ (8) di sini.

|                        |                          |                       |                       |
|------------------------|--------------------------|-----------------------|-----------------------|
| <i><b>pudar</b></i>    | <i><b>televisyen</b></i> | <i><b>jenama</b></i>  | <i><b>ajalku</b></i>  |
| <i><b>berkarat</b></i> | <i><b>berkhidmat</b></i> | <i><b>hiburan</b></i> | <i><b>selebar</b></i> |